



Anwar bersama Takaichi pada mesyuarat dua hala sempena Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Anwar seru kerjasama ASEAN, Jepun lebih erat

Fokus perkongsian berteraskan kepercayaan, nilai bersama, persahabatan terjalin sejak lama

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menyeru agar kerjasama ASEAN-Jepun diperkukuh dan diperdalam, menekankan potensi besar perkongsian itu berteraskan kepercayaan, nilai ber-

sama serta persahabatan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Dalam ucapan pembukaannya pada Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-28, Anwar berkata ASEAN berhasrat untuk terus bekerjasama rapat dengan Jepun bagi memperkukuh visi bersama dalam bidang inovasi, tenaga bersih dan pertumbuhan berdaya tahan.

"Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Perdana Menteri Jepun, Sanae Takaichi, ke Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun beliau yang pertama.

"Kami mengucapkan tahniah atas pelantikan anda dan berharap kepimpinan anda akan membawa semangat baharu kepada persahabatan jangka pan-



jang antara kita.

"Dengan semangat ini, saya menantikan pandangan rakan sejawat yang dihormati ketika kita merangka arah baharu yang lebih segar dan berpandangan ke hadapan bagi memperkukuh kerjasama ASEAN-Jepun," katanya.

Takaichi yang juga Presiden Parti Demokratik Liberal yang memerintah Jepun, dipilih sebagai Perdana Menteri negara itu, pada Selasa lalu (21 Oktober), sekali gus menjadi pemimpin wanita pertama Jepun.

Jepun manfaat dasar FOIP

Sementara itu, dalam ucapan pembukaannya, Takaichi berkata, Jepun berhasrat memanfaatkan dasar Indo-Pasifik Bebas dan Terbuka (FOIP) bagi memperkukuh lagi hubungan dengan ASEAN.

Katanya, Jepun dan ASEAN membina perkongsian berasaskan kepercayaan berpaksikan 'ikatan hati ke hati' melalui kerjasama jangka panjang merentasi pelbagai sektor.

Perdana Menteri baharu itu turut menegaskan Jepun mendukung FOIP dan sentiasa menyokong Pandangan ASEAN mengenai Indo-Pasifik (AOIP), yang berkongsi prinsip dan nilai asas sama.

BERNAMA